

24/08/2001

Lima diakui antara pameran terbaik dunia

Wan Jailani Abdul Razak

EDISI keenam dan pembuka tirai alaf baru, Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2001 (Lima '01) dari 9 hingga 14 Oktober ini, sekali lagi akan menjadi medan permainan juruterbang muda tentera udara yang berani dengan kemampuan melakukan apa saja aksi berbahaya di udara.

Kehadiran empat pasukan aerobatik bersama deruman enjin pesawat pejuang terancang dunia iaitu The Thunderbirds dari Amerika Syarikat, Red Arrows Tentera Udara Diraja British, Glamov Flight Research Aerobatic Team dari Russia dan The Roulette, pasti menjadi tumpuan.

Ini kerana pertunjukan udara walau di Paris sekali pun, pasti tidak lengkap tanpa penyertaan pasukan aerobatik terkemuka dunia, selain pesawat pejuang, komersial dan pengangkutan terkini yang dipamerkan.

Seperti edisi Lima lalu, lensa kamera pengunjung sudah tentu akan difokuskan kepada pasukan aerobatik Red Arrows yang akan menyertai pertunjukan kali ketiga berturut-turut sejak 1995.

Sebagai tambahan kepada aksi Red Arrows yang tidak pernah gagal menghiburkan pengunjung, ruang angkasa Langkawi buat pertama kali akan turut digegarkan Thunderbirds, pasukan yang berada di tangga teratas senarai pasukan aerobatik terbaik dunia.

Pada masa itu, setiap mata pasti tidak akan terlepas pandang daripada menyaksikan kecekapan mereka melakukan penerbangan menentang graviti serta membahayakan nyawa, sambil memaparkan tahap disiplin amat tinggi dengan pengiraan tepat yang menjadi penentu antara hidup dan mati.

Bagaimanapun, Lima '01 bukan sekadar pesona aerobatik. Sebaliknya, apa yang lebih penting ialah matlamatnya sebagai pemangkin membangunkan industri aeroangkasa dan maritim negara menerusi pembabitan rakyat dan sektor swasta, seiring dengan cita-cita Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengilhamkan Lima pada akhir 1980-an.

Selain menjadi medan pertemuan syarikat pembuat dan pengeluar pesawat serta kapal perang terancang dunia, pameran dwitahunan itu sebenarnya membuka ruang perniagaan dan kerjasama meluas kepada negara, terutama di kalangan pengimport dan pengguna peralatan berkenaan di rantau Asia Pasifik.

Amerika Syarikat antara negara di rantau Asia Pasifik, terus menghantar penyertaan terbesar untuk Lima kali ini. Ini adalah tanda sokongan negara itu kepada usaha kerjasama dan pengukuhan usaha dagang dalam pelbagai bidang, termasuk sektor pertahanan sama ada aeroangkasa atau maritim.

Ketua Misi Amerika ke Lima '01, Major Douglas Dawson, berkata negara itu akan menghantar 300 kontinjen, termasuk 26 pesawat jet pejuang, pengangkutan dan pesawat komersial serta helikopter.

Antara pesawat itu ialah jet pejuang F/A-18 Hornets, F-16 Falcons dan F-15 Tomcats; pesawat pengisi minyak, KC-135, E-3B Awacs, Boeing C-17 Globemaster III, jet pengebom B-1 dan B-52H, pesawat peninjau E-P3 dan helikopter Ch-47 Chinook.

Lima yang bermula dengan penyertaan 23 pesawat pada 1991 itu juga seiring dengan usaha kerajaan mencapai matlamatnya ke arah membangunkan industri aeroangkasa tempatan serta menonjolkan sektor berkenaan di mata dunia.

Pameran itu kini menjadi sejarah gemilang negara kerana muncul sebagai pertunjukan udara kelima terbesar daripada sembilan pertunjukan seumpama itu di dunia.

Meskipun sukar bagi Malaysia membina pesawat komersial dalam tempoh

terdekat, negara boleh memainkan fungsi penting dalam mereka bentuk pesawat dan menerima teknologi asas mengenai simulator penerbangan.

Dr Mahathir pernah berkata, syarikat maritim dan aeroangkasa tempatan wajar memikirkan kaedah perkongsian strategik dengan firma antarabangsa atau bergabung supaya lebih berdaya saing dalam menghadapi persaingan sengit di pasaran.

Melalui cara itu, katanya, mereka bukan saja dapat mewujudkan perkongsian perniagaan yang lebih kukuh dalam jangka panjang serta meneroka pasaran yang meningkat di rantau ini, malah mengambil kesempatan daripada kadar kompetitif mata wang Malaysia serta tenaga kerja mahir dan berdisiplin.

Dalam ucapan ketika merasmikan Lima '99 di Langkawi, beliau dipetik sebagai berkata, industri aeroangkasa dan maritim berintensifkan teknologi dan bernilai tambah boleh menjadi pemangkin bagi pembangunan teknologi baru dan pertumbuhan ekonomi.

Natijahnya, sasaran pertama membangunkan kemampuan untuk mengeluarkan komponen dan peralatan ganti sudah pun dicapai dalam industri aeroangkasa dan pada peringkat perintis dalam industri maritim.

Ini berikutan penubuhan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) yang dianggotai 25 syarikat tempatan diketuai Aerospace Industries Malaysia (AIM), yang secara tidak langsung menandakan kematangan industri berteknologi tinggi.

Berbalik kepada pameran kali ini, Lima '01 yang mempamerkan komponen aeroangkasa di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat, manakala segmen maritim di Tanjung Malai bakal menyaksikan penyertaan lebih 500 syarikat mewakili 32 negara.

Pameran itu bakal menyaksikan jumlah syarikat yang mengambil bahagian bertambah, sekali gus menjadikan Lima '01 sebagai acara terkemuka alaf ini.

Pengerusi Eksekutif Le Proton Lima Sdn Bhd (Le Proton Lima), Datuk Mohd Radzi Manan, berkata sehingga kini, 520 syarikat mengesahkan penyertaan pada pameran kali ini berbanding 650 syarikat pada pertunjukan lalu.

Katanya, lebih 20,000 pengunjung dijangka menyaksikan pameran yang akan mempamerkan kira-kira 100 pesawat perang dan komersial, selain peralatan ketenteraan lain termasuk kapal perang dan kapal selam.

Beliau berkata, walaupun keadaan ekonomi dunia tidak begitu memberangsangkan, kebanyakan syarikat tetap memberi komitmen untuk menjayakan Lima '01.

Katanya, penganjur juga mengadakan beberapa perbincangan untuk menarik lebih ramai penyertaan dari luar negara.

Pameran anjuran Le Proton Lima itu dijayakan bersama lima penaja tempatan iaitu Petroliaam Nasional Berhad (Petronas) yang menaja keperluan bahan api bernilai RM1.2 juta, Affin Bank dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua). Sementara The New Straits Times (NST) menjadi akhbar rasmi dan ADPR Consult (M) Sdn Bhd pula sebagai syarikat penerbitan rasmi.

Mengimbas kembali sejarah Lima, ketika perancangan untuk menganjurkan pameran itu pada 1989, banyak pihak meragui keupayaan pameran itu untuk menarik syarikat gergasi dunia menyertainya.

Malaysia pada waktu itu kurang diyakini dapat menganjurkan pameran bertaraf dunia seperti itu, tambahan pula kedudukan geografi Langkawi yang masih kurang dikenali ketika itu.

Ada juga suara ketika itu mempersoalkan hasrat murni Malaysia menganjurkan pameran itu, termasuk menyifatkannya satu usaha yang membazir serta menggalakkan perlumbaan senjata di kalangan negara serantau.

Bagaimanapun, keraguan itu akhirnya dipadamkan apabila Lima bukan saja menjadi 'buah mulut' pengusaha industri penerbangan dan maritim terkemuka dunia, malah disifatkan oleh negara kuasa besar sebagai antara pameran

terbaik seumpamanya di dunia.

Bilangan syarikat yang menyertai Lima bertambah dan pada Lima '99, kira-kira 1,000 syarikat seluruh dunia mengambil bahagian dalam kedua-dua segmen pameran itu.

Justeru, jika Thailand dikenali menerusi Phuket atau Amerika menerusi Hawaii, Malaysia juga boleh gah menerusi Langkawi, pulau yang kini dikenali sebagai bandar raya pelancongan. Ini kerana Lima yang sinonim dengan Langkawi adalah pencetus rasa bangga rakyat Malaysia.

(END)